POLEMIK ‘FATRAH AL-NAQA’ BAGI WANITA HAID

KUPASAN MENURUT EMPAT MAZHAB

Disusun oleh

AL-FADHIL USTAZ ABU USAMAH HANAPIAH HJ HUSSIN

POLEMIK 'FATRAH AL-NAQA' BAGI WANITA HAID: KUPASAN MENURUT EMPAT MAZHAB.

Disusun oleh: al-Fadhil Ustaz Abu Usamah Hanapiah Hj Hussin

Timbul beberapa persoalan yang berkaitan dengan Fatrah al-Naqa bagi wanita haid, antaranya, adakah wanita yang mengalami kekeringan darah haid/nifas perlu menunggu tempoh tertentu untuk mandi dan apakah pandangan ulama mazhab Syafi'I dalam perkara tersebut. Adakah perlu menunggu sehari semalam untuk mandi jika mengalami kekeringan.

Berikut adalah jawapan bagi persoalan yang timbul.

بسم الله والحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن والاه أما بعد.

اللهم هداية للصواب..

1. Sebenarnya persoalan-persoalan seumpama ini terlalu banyak diajukan dan sudah beberapa kali dijawapan persoalan seperti ini dengan dalil-dalilnya dan ibarat-ibarat kitab yang muktabar disisi mazhab Syafi'i.

1.1 Oleh kerana mazhab Syafi'i adalah mazhab fiqh muktabar dan juga diantara mazhab yang diamalkan di kebanyakan negara umat islam termasuk di negara kita sendiri, maka hukum yang bertepatan dengan mazhab Syafi'i juga dikirakan sebagai hukum yang muktabar dan bukanlah hukum yang asing untuk diamalkan.

1.2 Insyallah jawapan kali ini akan perincikan lagi bersama dengan dalil-dalilnya serta pandangan empat mazhab, iaitu Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, Mazhab Syafi'i dan mazhab Hanbali sebagai jawapan terhadap persoalan yang telah timbul dan dalam masa yang sama ia adalah sebagai sanggahan terhadap pandangan yang tidak berasas itu.

2. Semua kita mengetahui bahawa diantara perkara yang haram dilakukan oleh perempuan yang Haid dan Nifas adalah dua rukun islam, iaitu Solat dan Puasa.

2.1 Hukum haram mengerjakan solat dan puasa bagi perempuan haid dan nifas ini sebenarnya adalah hukum yang telah disepakati oleh para alim ulamak tanpa ada sedikit pun khilaf. Ini berdasarkan kepada beberapa dalil yang diantaranya ialah :

Rasulullah saw bersabda :

أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ.

Terjemahan: *"Bukankah jika dia (perempuan) datang haid dia tidak solat dan tidak puasa."*

(Riwayat al-Bukhari)

Imam Ibnu al-Munzir menyebut dalam kitab الإجماع hlm.6 :

أجمعوا على إسقاط فرض الصلاة عن الحائض.

Terjemahan: *"Ulama telah ijma' bahawa gugur kefarduan solat terhadap perempuan yang haid."*

Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitab 257/6 المجموع شرح المهذب menyebut :

لَا يَصِحُّ صَوْمُ الْحَائِضِ وَالنُّفَسَاءِ وَلَا يَجِبُ عَلَيْهِمَا وَيَحْرُمُ عَلَيْهِمَا وَيَجِبُ قَضَاؤُهُ وَهَذَا كُلُّهُ مُجْمَعٌ عَلَيْهِ.

Terjemahan: *"Tidak sah puasa perempuan haid dan perempuan nifas. Tidak wajib puasa atas keduanya. Haram puasa atas keduanya. Wajib keduanya qadha puasa tersebut. Hukum ini kesemuanya berlaku ijma' ulama padanya."*

2.2 Perempuan muslimah yang berakal, baligh dan **suci** daripada haid dan nifas **wajib** ke atasnya mengerjakan solat fardhu dengan ijma' ulama'.

Firman ALLAH taala :

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا.

Terjemahan: *"Sesungguhnya solat itu adalah suatu kefarduan atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya."*

[Surah An-Nisaa:103]

2.3 Begitu juga puasa ramadhan, **wajib** atas perempuan muslimah tersebut apabila dia mampu berpuasa, dia tidak sakit dan tidak bermusafir.

Rasulullah saw bersabda :

بني الإسلام على خمس شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمدًا رسول الله وإقام الصلاة وإيتاء الزكاة وحج البيت وصوم رمضان.

Terjemahan: *"Islam itu didirikan atas lima perkara, iaitu persaksian bahawa tidak ada tuhan yang berhak disembah (dengan benar) kecuali Allah dan bersaksi bahawa Muhammad saw adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji ke baitullah dan **puasa** di bulan ramadhan."*

[Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

3. Disebabkan ibadat Solat dan Puasa yang menjadi rukun islam itu BERKAIT dengan darah haid dan darah nifas, begitu juga ada beberapa perkara lain lagi yang berkait dengan haid dan nifas, maka menjadi FARDHU AIN atas setiap perempuan yang keluar darah haid dan darah nifas mengetahui tempoh haid, tempoh nifas dan sucinya agar ia tidak melakukan perkara yang diharamkan dan tidak meninggalkan perkara yang diwajibkan.

Nabi saw bersabda :

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.

Terjemahan: *"Menuntut ilmu menjadi kefardhuan keatas setiap orang islam."*
[Riwayat Ibnu Majah /Hasan]

Dalam hadis yang lain Nabi saw bersabda :

يَا أَيُّهَا النَّاس تَعَلَّمُوا ، إِنَّمَا الْعِلْم بِالتَّعَلُّمِ ، وَالْفِقْه بِالتَّفَقُّهِ ، وَمَنْ يُرِدْ اللهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّههُ فِي الدِّين.

Terjemahan: *"Wahai manusia, belajarlah. Sesungguhnya ilmu hanya dapat dengan belajar. Pemahaman dapat dengan cara berusaha memahami. Barangsiapa yg Allah kehendaki baginya kebaikan Allah fahamkannya dalam agama."*
[Riwayat at-Thabaraniy, Hasan]

Berkata Al-hafiz ibnu hajar al-'Asqalaniy Rahimahullah didalam kitab161/1 فتح الباري :

إسناده حسن.

Terjemahan: *"Sanad hadis ini hasan."*

Didalam Kitab 293/18 الموسوعة الفقهية الكويتية ada menyebut :

يَجِبُ عَلَى الْمَرْأَةِ تَعَلُّمُ مَا تَحْتَاجُ إِلَيْهِ مِنْ أَحْكَامِ الْحَيْضِ. وَعَلَى زَوْجِهَا أَوْ وَلِيِّهَا أَنْ يُعَلِّمَهَا مَا تَحْتَاجُ إِلَيْهِ مِنْهَا إِنْ عَلِمَ، وَإِلاَّ أَذِنَ لَهَا بِالْخُرُوجِ لِسُؤَال الْعُلَمَاءِ...

Terjemahan: "Wajib atas perempuan belajar hukum-hakam haid yang diperlukan. Dan wajib atas suaminya atau atas walinya jika ia tahu mengajarkan perempuan itu hukum-hakam haid yang diperlukan oleh perempuan itu. Jika suami atau walinya tidak mempunyai ilmu maka dia memberi izin kepada perempuan itu untuk keluar bertanya kepada para ulama."

4. Alamat atau tanda berhentinya darah Haid dan darah Nifas dan dihukumkan seorang perempuan itu suci ada DUA :

(1) Kering darah.

(2) ada cecair putih.

*}- Yang dimaksudkan dengan kering darah adalah apabila dimasukkan kapas kedalam faraj keluar lah kapas itu PUTIH BERSIH tidak ada apa-apa kesan darah pada kapas tersebut.

.

Didalam Kitab 310/18 الموسوعة الفقهية الكويتية ada menyebut :

الطُّهْرُ مِنَ الْحَيْضِ يَتَحَقَّقُ بِأَحَدِ أَمْرَيْنِ، إِمَّا انْقِطَاعِ الدَّمِ، أَوْ رُؤْيَةِ الْقَصَّةِ.

وَالْمَقْصُودُ بِانْقِطَاعِ الدَّمِ الْجَفَافُ بِحَيْثُ تَخْرُجُ الْخِرْقَةُ غَيْرَ مُلَوَّثَةٍ بِدَمٍ، أَوْ كُدْرَةٍ، أَوْ صُفْرَةٍ...

Terjemahan: " *Suci daripada haid tercapai dengan salah satu daripada dua perkara, iaitu berhenti darah dan melihat ada cecair putih. Maksud daripada berhenti darah ialah kering darah, iaitu kapas keluar tidak tercemar dengan darah atau warna keruh atau kuning."*

5. Ulama fiqh berselisih pendapat pada menetapkan yang mana antara dua perkara itu (kering darah dan ada cecair putih) perlu didahulukan dalam menetapkan alamat dan tanda habis haid dan nifas dan tanda datang suci.

5.1 Mazhab Hanafi, Mazhab Syafi'i dan Mazhab Hanbali (majoriti ulama fiqh) mereka berpendapat bahawa apabila darah telah kering iaitu kapas yang dimasukkan ke dalam faraj kelihatan bersih tidak kelihatan apa-apa kesan darah walaupun belum ada cecair putih maka dihukumkan perempuan itu SUCI.

Ini berdasarkan firman ALLAH taala :

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذًى...

Terjemahan: " *Mereka bertanya kepadamu wahai muhammad tentang haid. Katakanlah: Haid itu adalah kotor ".*

[Surah Al-Baqarah: 222]

CARA PENDALILANNYA :

ALLAH taala mensifatkan darah haid itu sebagai kotor. Apabila tidak ada darah maka tidak adalah kotor. Apabila tidak ada kotor maka pastilah tidak ada haid. Apabila tidak ada haid maka dihukumkan suci.

Firman ALLAH taala :

وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللهُ.

Terjemahan: " *Maka hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita ketika haid, dan janganlah kamu mendekati mereka, sehingga mereka suci. apabila mereka telah bersuci, maka datangilah mereka itu di tempat yang diperintahkan oleh ALLAH kepada kamu ".*

[Surah Al-Baqarah: 222]

CARA PENDALILANNYA :

Firman ALLAH taala yang bermaksud *"Sehingga mereka suci."*

Perempuan yang darah haidnya telah berhenti maka dia telah suci daripada darah tersebut. Sudah semestinya perempuan yang suci hukumnya tidak sama dengan perempuan yang keluar darah haid.

{1} MAZHAB HANAFI.

Didalam kitab 202/1البحر الرائق شرح كنز الدقائق menjelaskan :

.

وَفِي فَتْحِ الْقَدِيرِ وَمُقْتَضَى الْمَرْوِيِّ فِي الْمُوَطَّإِ وَالْبُخَارِيِّ أَنَّ مُجَرَّدَ الِانْقِطَاعِ دُونَ رُؤْيَةِ الْقَصَّةِ لَا يَجِبُ مَعَهُ أَحْكَامُ الطَّاهِرَاتِ وَكَلَامُ الْأَصْحَابِ فِيمَا يَأْتِي كُلُّهُ بِلَفْظِ الِانْقِطَاعِ حَيْثُ يَقُولُونَ وَإِذَا انْقَطَعَ دَمُهَا فَكَذَا...

Terjemahan: *"Didalam kitab Fath al-Qadir ada menyebut : apa yang difahami daripada yang diriwayat dalam Al-Muwatta' dan al-Bukhari ialah semata-mata berhenti darah tanpa melihat cecair putih tidak wajib ketika itu hukum-hakam perempuan-perempuan suci. Namun kalam ulama mazhab hanafi pada permasalahan akan datang kesemuanya dengan lafaz " berhenti darah ", mereka berkata apabila berhenti darah perempuan maka hukumnya sekian-sekian."*

* Dalam kenyataan diatas secara jelas disebutkan ulama mazhab hanafi menggunakan ungkapan (Apabila berhenti darah perempuan), mereka tidak menggunakan ungkapan (apabila melihat cecair putih), maka dapat difahami bahawa suci perempuan adalah dengan berhenti darah.

{2} MAZHAB SYAFI'I.

Didalam Kitab 543/2 المجموع شرح المهذب imam an-Nawawi Rahimahullah menjelaskan :

عَلَامَةُ انْقِطَاعِ الْحَيْضِ وَوُجُودِ الطُّهْرِ أَنْ يَنْقَطِعَ خُرُوجُ الدَّمِ وَخُرُوجُ الصفرة والكدرة فإذا انقطع طهرت سَوَاءٌ خَرَجَتْ بَعْدَهُ رُطُوبَةٌ بَيْضَاءُ أَمْ لَا.

Terjemahan: *"Tanda haid telah berhenti dan tanda suci ialah berhenti keluar darah dan berhenti keluar warna kuning dan warna keruh. Apabila berhenti perkara tersebut maka sucilah perempuan itu. Samaada setelah itu keluar cecair putih atau tidak keluar."*

Didalam kitab 310/18 الموسوعة الفقهية الكويتية ada menjelaskan:

وَقَدْ صَرَّحَ الْحَنَفِيَّةُ وَالشَّافِعِيَّةُ بِأَنَّ الْغَايَةَ الِانْقِطَاعُ، فَإِذَا انْقَطَعَ طَهُرَتْ، سَوَاءٌ خَرَجَتْ بَعْدَهُ رُطُوبَةٌ بَيْضَاءُ أَمْ لاَ.

Terjemahan: *"Sesungguhnya al-Hanfiyyah dan asy-Syafi'iyyah menjelaskan bahawa penghujungnya adalah berhenti darah. Apabila darah telah berhenti maka sucilah perempuan itu, samaada keluar selepasnya cecair putih atau tidak."*

{3} MAZHAB HANBALI.

Imam Ibnu Muflih al-Hanbali menyebut dalam kitab 267/1 الفروع bahawasanya ia adalah Zahir Mazhab :

وأقل زمن الحيض أن يكون النقاء خالصا لا تتغير معه القطنة إذا احتشت بها في ظاهر المذهب ، ذكره صاحب المحرر ، وجزم به القاضي وغيره.

Terjemahan: *"Sekurang-kurang tempoh haid adalah bersih itu jelas, yang mana kapas itu tidak berubah apabila dipakaikan padanya. Ini pada zahir mazhab yang telah disebut oleh tuan kitab Muharrar. dan telah memutuskan dengannya oleh al-Qadhi dan lain-lain."*

5.3 MAZHAB MALIKI pula mereka berpandangan bahawa :

[1] - perempuan yang PERTAMA KALI DATANG DARAH maka alamat sucinya adalah salah satu dari dua perkara iaitu melihat cecair putih atau kering darah.

Apabila ada salah satu daripada dua perkara ini maka perempuan tersebut telah SUCI.

Didalam kitab 118/1 الفواكه الدواني على رسالة ابن القيرواني ada menyebut :

وَأَمَّا الْمُبْتَدَأَةُ فَالْمُعْتَمَدُ أَنَّهَا تَطْهُرُ بِكُلٍّ مِنْهُمَا.

Terjemahan: *"Adapun perempuan yang kali pertama datang darah maka pandangan muktamad bahawasanya perempuan tersebut suci dengan setiap satu daripada dua perkara itu."*

[2] - Manakala PEREMPUAN YANG PERNAH DATANG DARAH dan suci sebelum ini maka hukumnya seperti berikut:

1}- perempuan yang sucinya sebelum ini adalah berhenti darah (kering) :

Hukumnya :

#Apabila dia melihat cecair putih keluar dulu maka tidak perlu dia menunggu kering.

#Apabila dia melihat kering dulu maka tidak perlu dia menunggu cecair putih.

2}- perempuan yang sucinya adalah melihat cecair putih atau melihat cecair putih beserta dengan kering :

Hukumnya :

#Apabila dia melihat kering dulu maka SUNAT dia menanti cecair putih sehingga penghujung waktu mukhtar bagi solat fardu.

#Jika dia melihat cecair putih dulu maka tidak perlu dia menanti sesuatu yang lain setelah itu.

Didalam kitab 171/1 الشرح الكبير للشيخ الدردير وحاشية الدسوقي ada menyebut :

وَحَاصِلُ الْفِقْهِ أَنَّ مُعْتَادَةَ الْجُفُوفِ إِذَا رَأَتْ الْقَصَّةَ أَوَّلًا لَا تَنْتَظِرُهُ وَإِذَا رَأَتْهُ أَوَّلًا لَا تَنْتَظِرُ الْقَصَّةَ وَأَمَّا مُعْتَادَةُ الْقَصَّةِ فَقَطْ أَوْ مَعَ الْجُفُوفِ إِذَا رَأَتْ الْجُفُوفَ أَوَّلًا نُدِبَ لَهَا انْتِظَارُ الْقَصَّةِ لِآخِرِ الْمُخْتَارِ وَإِنْ رَأَتْ الْقَصَّةَ أَوَّلًا فَلَا تَنْتَظِرُ شَيْئًا بَعْدَ ذَلِكَ..

Terjemahan: *"Hasil fiqh ialah perempuan yang biasa suci dengan kering apabila dia melihat cecair putih keluar dulu maka tidak perlu dia menunggu kering, apabila dia melihat kering dulu maka tidak perlu dia menunggu cecair putih. Adapun perempuan yang biasa suci dengan cecair putih atau cecair putih beserta dengan kering apabila dia melihat kering dulu maka sunat dia menanti cecair putih sehingga penghujung waktu mukhtar bagi solat, dan jika dia melihat cecair putih dulu maka tidak perlu dia menanti sesuatu yang lain setelah itu."*

5.3 Sebagai contoh :

[1] Husna KALI PERTAMA datang haid. 1 Muharram darah haid Husna mula keluar. Pada 6 Muharram setelah Husna memeriksa dalam faraj dengan kapas didapati darah telah kering, tidak ada apa-apa kesan darah pada kapas tersebut.

Hukumnya :

Sepakat empat MAZHAB mengatakan pada hari ke 6 Muharram Husna telah suci walaupun belum keluar cecair putih.

[2] Salma KALI PERTAMA datang haid. 1 Muharram darah haid Salma mula keluar. 6 Muharram setelah Salma memeriksa dalam faraj dengan kapas didapati ada cecair putih, serta tidak ada kesan warna darah sedikit pun pada kapas tersebut.

Hukumnya :

Sepakat empat MAZHAB mengatakan pada hari ke 6 Muharram Salma telah suci.

[3] Nabila PERNAH DATANG HAID sebelum ini yang mana sebelum ini Nabila suci dengan darah kering tanpa ada cecair putih.

Pada 1 Muharram darah haid mula keluar hingga 5 Muharram. 6 Muharram setelah Nabila memeriksa dalam faraj dengan kapas didapati darah telah kering, tidak ada apa-apa kesan darah pada kapas tersebut.

Hukumnya :

Sepakat empat MAZHAB mengatakan hari ke 6 Muharram Nabila telah suci walaupun belum keluar cecair putih.

[4] Salmi PERNAH DATANG HAID sebelum ini yang mana sebelum ini Salmi suci dengan darah kering tanpa ada cecair putih.

Pada 1 Muharram darah haid mula. 6 Muharram setelah Salmi memeriksa dalam faraj dengan kapas didapati ada cecair putih, serta tidak ada apa-apa kesan darah pada kapas tersebut.

Hukumnya :

Sepakat empat MAZHAB mengatakan hari ke 6 Muharram Salmi telah suci.

[5] Hasanah PERNAH DATANG HAID sebelum ini yang mana sebelum ini Hasanah suci dengan keluar cecair putih.

Pada 1 Muharram darah haid Hasanah mula keluar. 6 Muharram setelah Hasanah memeriksa dalam faraj dengan kapas didapati ada cecair putih keluar serta tidak ada apa-apa kesan warna darah pada kapas tersebut.

Hukumnya :

sepakat empat MAZHAB mengatakan hari ke 6 Muharram Hasanah telah suci.

[6] Nurul PERNAH DATANG HAID sebelum ini yang mana sebelum ini Nurul suci dengan keluar cecair putih.

Pada 1 Muharram darah haid Nurul mula keluar. 6 Muharram setelah Nurul memeriksa dalam faraj dengan kapas didapati darah telah kering tidak ada apa-apa kesan warna darah pada kapas tersebut, dan cecair putih juga belum keluar.

Hukumnya :

1}- Mazhab Hanafi, Mazhab Syafi'i dan Mazhab Hanbali berpendapat pada hari ke 6 Muharram Nurul telah suci.

2}- Mazhab maliki berpendapat SUNAT Nurul menanti cecair putih sehingga penghujung waktu mukhtar bagi solat fardhu.

* Waktu Mukhtar disisi mazhab Maliki ialah waktu yang mana syara' telah memberi pilihan kepada mukallaf untuk mengerjakan solat dalamnya samaada pada awal atau pertengahan atau penghujung waktu.

(Sila lihat penjelasan waktu Mukhtar dalam kitab 177/1 منح الجليل شرح مختصر خليل)

Katakanlah waktu zohor daripada pukul 1.30 hingga 4.30.

Waktu yang diperlukan oleh Nurul untuk mengerjakan solat zohor 15 minit.

Pada pukul 2.00 Nurul memeriksa dalam faraj dengan kapas didapati darah telah kering, namun cecair putih belum keluar maka DISUNATKAN Nurul tunggu sehingga pukul 4.15 untuk mandi dan solat zohor.

6. Perempuan yang kali pertama datang darah haid atau darah nifas dinamakan sebagai " PEREMPUAN *MUBTADAAH*".

Manakala perempuan yang pernah datang darah haid dan pernah datang darah nifas dinamakan dalam istilah ulama fiqh sebagai " PEREMPUAN *MU'TADAH.*"

6.1 Perempuan Mubtadaah (pertama kali keluar darah) apabila darah telah kering atau telah keluar cecair putih SEPAKAT EMPAT MAZHAB MENGATAKAN BAHAWA WAJIB ATASNYA MANDI, SOLAT DAN PUASA TANPA PERLU MENUNGGU TEMPOH TERTENTU. Ini berdasarkan kepada sabda Nabi saw :

فَإِذَا أَقْبَلَتِ الحَيْضَةُ، فَدَعِي الصَّلاَةَ وَإِذَا أَدْبَرَتْ فَاغْتَسِلِي وَصَلِّي

Terjemahan: *"Jika datang haid, tinggalkanlah solat. Jika telah selesai masa haid mandilah dan solatlah."* [HR al-Bukhari dan Muslim]

CARA PENDALILANNYA :

Perkataan Rasulullah saw: *"Jika telah selesai masa haid mandilah dan solatlah."* menunjukkan bahawa ketika hilang *MANI'* (penghalang) mandi dan solat maka wajib mandi dan solat tanpa perlu menunggu tempoh yang tertentu.

6.2 Manakala perempuan *MU'TADAH* pula:

1}- Apabila darahnya suci pada hari yang bertepatan dengan tempoh adatnya.

Hukumnya :

SEPAKAT ULAMA MAZHAB EMPAT MENGATAKAN WAJIB ATASNYA MANDI, SOLAT DAN PUASA TANPA PERLU MENUNGGU TEMPOH TERTENTU. Ini berdasarkan kepada sabda Nabi saw :

فَإِذَا أَقْبَلَتِ الحَيْضَةُ، فَدَعِي الصَّلاَةَ وَإِذَا أَدْبَرَتْ فَاغْتَسِلِي وَصَلِّي

Terjemahan: *"Jika datang haid, tinggalkanlah solat. Jika telah selesai masa haid mandilah dan solatlah."*

[HR al-Bukhari dan Muslim]

Contohnya :

Nafisah kebiasaan haidnya 7 hari.

Pada bulan rabiul awwal darah Nafisah mula keluar daripada pukul 8 pagi 1 Rabiul Awwal sehingga 8 pagi 8 raibiul awal, jadi 7 hari 7 malam. Setelah itu darah Nafisah berhenti kering atau keluar cecair putih.

Hukumnya : sepakat ulama mengatakan setelah pukul 8 pagi 8 Muharram Nafisah Suci, maka boleh dia mandi wajib untuk melakukan tawaf, dan wajib dia mandi untuk mengerjakan solat zohor.

2}- Darahnya telah berhenti sebelum sampai tempoh adatnya.

Hukumnya :

ULAMA MAZHAB EMPAT JUGA BERSEPAKAT MENGATAKAN BAHAWA DIA TELAH SUCI.

Maka WAJIB ATASNYA MANDI, SOLAT DAN PUASA TANPA PERLU MENUNGGU TEMPOH TERTENTU. Ini berdasarkan kepada sabda Nabi saw :

فَإِذَا أَقْبَلَتِ الحَيْضَةُ، فَدَعِي الصَّلاَةَ وَإِذَا أَدْبَرَتْ فَاغْتَسِلِي وَصَلِّي

Terjemahan: *"Jika datang haid, tinggalkanlah solat. Jika telah selesai masa haid mandilah dan solatlah."*

[HR al-Bukhari dan Muslim]

(*) Namun Mazhab Maliki berpendapat SUNAT dia menanti untuk mandi dan solat fardhu pada hujung waktu solat itu jika dia melihat kering sedangkan kebiasaannya dia suci dengan keluar cecair putih sebagaimana telah dijelaskan diatas.

(*) Manakala dalam mazhab Hanafi pula ialah WAJIB dia melewatkan mandi sehingga sebelum sampai penghujung waktu sunat.

(NAS-NAS KITAB MAZHAB EMPAT)

{1}- MAZHAB HANAFI:

Didalam Kitab 60/1 تبيين الحقائق شرح كنز الدقائق ada menyebut :

وَلَوْ انْقَطَعَ الْحَيْضُ دُونَ عَادَتِهَا فَوْقَ الثَّلَاثِ لَا يَقْرَبُهَا وَإِنْ اغْتَسَلَتْ حَتَّى تَمْضِيَ عَادَتُهَا؛ لِأَنَّ الْعَوْدَ فِي الْعَادَةِ غَالِبٌ وَتُصَلِّي وَتَصُومُ لِلِاحْتِيَاطِ.

Terjemahan: *"Sekiranya darah haid berhenti kurang daripada tempoh adatnya tetapi lebih daripada tiga hari maka suaminya tidak boleh melakukan hubungan intim dengannya sehingga habis tempoh adatnya walaupun dia telah mandi. namun (hendaklah) dia SOLAT DAN PUASA ".*

* Peringatan : Mazhab Hanafi sekurang-kurang tempoh Haid 3 hari.

Didalam kitab 146/1 حاشية الطحطاوي على مراقي الفلاح ada menyebut :

وإذا انقطع لدون عادتها أي وقد تجاوز ثلاثة أيام لا يقربها وإن اغتسلت حتى تمضي عادتها ولكن تصلي وتصوم احتياطا ويجب عليها تأخير الغسل إلى قبيل آخر الوقت المستحب...

Terjemahan: "Apabila darah haid berhenti kurang daripada tempoh adatnya tetapi lebih daripada tiga *hari maka suaminya tidak boleh melakukan hubungan intim dengannya walaupun dia telah mandi sehinggalah habis tempoh adatnya. Tetapi (hendaklah) dia SOLAT DAN PUASA untuk langkah berjaga-jaga. Dan wajib dia melewatkan mandi hingga sebelum sampai penghujung waktu yang disunatkan."*

{2}- MAZHAB MILIKI

Didalam Kitab 188/1 الكافي لأهل المدينة ada menyebut :

ومن كانت لها عادة في أيام حيضتها فانقطع دمها قبل تمام تلك الأيام لنقصان حيضها اغتسلت عند انقطاع دمها وصلت.

Terjemahan: *"Perempuan yang ada baginya adat kebiasaan hari haidnya, tiba-tiba darahnya berhenti sebelum cukup hari adatnya kerana kurang darah haidnya maka (hendaklah) dia mandi ketika berhenti darah dan (hendaklah) dia solat."*

{3}- MAZHAB SYAFI'I.

Syeikh Ibn Hajar al-Haitami didalam kitab 79/1 الفتاوى الفقهية الكبرى menyebut :

(فَأَجَابَ) – رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ – بِأَنَّهُ حَيْثُ انْقَطَعَ دَمُ الْحَائِضِ أَوْ النُّفَسَاءِ بِأَنْ كَانَتْ بِحَيْثُ لَوْ أَدْخَلَتْ الْقُطْنَةَ إلَى فَرْجِهَا خَرَجَتْ بَيْضَاءَ نَقِيَّةً وَجَبَ عَلَيْهَا أَنْ تَغْتَسِلَ، وَتُصَلِّيَ وَجَازَ لِلزَّوْجِ أَنْ يَطَأَهَا سَوَاءٌ انْقَطَعَ دَمُهَا قَبْلَ عَادَتِهَا أَمْ لَا...

Terjemahan: *"Beliau -Radhiallahu anhu- menjawab : bahawasanya apabila telah berhenti darah perempuan yang haid dan perempuan nifas iaitu apabila dimasukkan kapas ke dalam faraj keluar lah kapas itu putih bersih maka WAJIB KEATASNYA mandi, solat, dan harus bagi suaminya menyetubuhinya, samaada darahnya itu berhenti sebelum sampai tempoh adatnya atau tidak sebegitu."*

Didalam Kitab 281/1 مغني المحتاج ada menjelaskan :

(فَإِذَا انْقَطَعَ) دَمُ الْحَيْضِ وَمِثْلُهُ النِّفَاسِ لِزَمَنِ إمْكَانِهِ ارْتَفَعَ عَنْهَا سُقُوطُ الصَّلَاةِ.

Terjemahan: *"Apabila berhenti darah haid dan darah nifas dalam tempohnya maka terangkatlah gugur solat daripada perempuan itu."*

{4}- MAZHAB HANBALI.

Didalam kitab 257/1 المغني لابن قدامة ada menyebut :

فَصْلٌ: أَمَّا الْأَوَّلُ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ مَتَى رَأَتْ الطُّهْرَ فَهِيَ طَاهِرٌ تَغْتَسِلُ، وَتَلْزَمُهَا الصَّلَاةُ وَالصِّيَامُ، سَوَاءٌ رَأَتْهُ فِي الْعَادَةِ، أَوْ بَعْدَ انْقِضَائِهَا، وَلَمْ يُفَرِّقْ أَصْحَابُنَا بَيْنَ قَلِيلِ الطُّهْرِ وَكَثِيرِهِ؛ لِقَوْلِ ابْنِ عَبَّاسٍ: أَمَّا مَا رَأَتْ الطُّهْرَ سَاعَةً فَلْتَغْتَسِلْ. وَيَتَوَجَّهُ أَنَّ انْقِطَاعَ الدَّمِ مَتَى نَقَصَ عَنْ الْيَوْمِ، فَلَيْسَ بِطُهْرٍ بِنَاءً عَلَى الرِّوَايَةِ الَّتِي حَكَيْنَاهَا فِي النِّفَاسِ، أَنَّهَا لَا تَلْتَفِتُ إلَى مَا دُونَ الْيَوْمِ. وَهُوَ الصَّحِيحُ إنْ شَاءَ اللَّهُ.

Terjemahan: *"Ini suatu Fasal : Adapun yang pertama iaitu seorang perempuan bila mana dia melihat suci maka dia telah suci (hendaklah) dia mandi, dan wajib dia solat dan puasa, sama sahaja dia melihat suci itu didalam tempoh adatnya atau setelah selesai tempoh adatnya. Sahabat kami (ulama mazhab Hanbali) tidak membezakan diantara suci yang sedikit atau suci yang banyak, kerana kata Abdullah bin Abbas : " Adapun apabila Perempuan melihat suci dalam tempoh yang sekejap maka hendaklah dia mandi."*

Boleh juga dikatakan bahawa berhenti darah apabila kurang daripada sehari maka bukanlah suci berpandukan riwayat yang kami riwayatkan dalam dalam bab nifas, iaitu seorang perempuan tidak perlu memandang kepada suci yang kurang daripada sehari. pandangan ini adalah yang sahih insyaallah.."

7. Daripada penjelasan diatas dapat kita faham bahawa pandangan EMPAT MAZHAB ialah tidak boleh seorang perempuan menunggu tempoh tertentu setelah dia mengalami suci melainkan dalam empat permasalahan sahaja.

{1} Mazhab Hanafi : WAJIB perempuan melewatkan mandi sehinggalah sebelum penghujung waktu sunat jika darah berhenti sebelum tempoh adatnya.

{2} Mazhab Maliki : SUNAT seorang perempuan menanti dahulu untuk mandi dan solat fardhu sehingga hujung waktu solat itu jika dia melihat kering sedangkan kebiasaannya dia suci dengan keluar cecair putih.

{3} Mazhab Syafi'i : Apabila pernah terjadi darah keluar secara putus-putus maka ada satu pandangan dalam mazhab bahawa perempuan tersebut kena tunggu sehingga cukup seperti kadar tempoh sebelumnya. (Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam artikel sebelum ini).

{4} Mazhab Hanbali : pandangan yang dipilih oleh ibnu Qudaamah rahimahullah bahawa dia perlu menanti sehari jika darah berhenti dan datang semula. Namun pandangan ini bukanlah pandangan majoriti ulama mazhab Hanbali.

8. Adalah SUATU KESILAPAN apabila perempuan telah mengalami suci maka masih lagi dihalang perempuan daripada melaksanakan kewajipannya dan masih lagi diwajibkan kepada perempuan tersebut menanti dalam tempoh tertentu untuk mandi wajib, solat, puasa dan lain-lain.

Ini kerana perkara yang menghalang seorang perempuan daripada mengerjakan solat, puasa dan tawaf adalah darah Haid dan Nifas.

Haid dan Nifas adalah DARAH. ketika mana tidak ada darah maka tidak adalah Haid dan Nifas. Ketika mana tidak ada Haid dan Nifas maka tidak adalah perkara yang menghalang kewajipan solat, puasa dan lain-lain.

Menjadikan alasan ada kemungkinan darah keluar semula adalah suatu ALASAN YANG TIDAK BOLEH DITERIMA, kerana ia adalah suatu andaian dan khayalan yang menyalahi apa yang zahir.

Dalam kaedah fiqh ada menyebut :

لا عبرة بالتوهم.

Terjemahan: *"Tidak dikira suatu andaian atau suatu khayalan."*

9. Perempuan yang pernah datang haid bermaknanya dia telah mempunyai tempoh adatnya. Untuk bulan seterusnya jika darah haid berhenti sebelum tempoh adatnya dan setelah itu darah datang semula maka darah yang datang semula itu juga dihukumkan sebagai darah haid jika ia berada dalam lingkungan tempoh haid.

Contohnya : Mukminah kebiasaan tempoh haidnya adalah 7 hari. Pada bulan berikutnya, Mukminah keluar darah 4 hari sahaja. hari ke 5 darah mula berhenti sedangkan tempoh adatnya adalah 7 hari.

Hukumnya:

Sepakat ulama empat mazhab mengatakan wajib Mukminah mandi solat dan puasa apabila darah berhenti pada hari ke 5 tanpa perlu menunggu tempoh 24 jam walaupun dia belum melihat adanya cecair putih, sebagaimana penjelasannya di atas.

Manakala Imam Ibn Qudamah dalam kes yang seperti ini beliau berpendapat apabila darah datang semula maka tempoh yang tida ada darah itu jika tidak cukup sehari tidaklah dikirakan sebagai suci melainkan jika ia berhenti bertepatan dengan kadar adat atau ada cecair putih yang keluar .

kata Imam Ibn Qudamah dalam kitab 257/1 مغني :

فعلى هذا لا يكون انقطاع الدم أقل من يوم طهرا، إلا أن ترى ما يدل عليه، مثل أن يكون انقطاعه في آخر عادتها، أو ترى القصة البيضاء

Terjemahan: "Maka atas pandangan ini, bahawa bukanlah berhenti darah yang kurang daripada sehari itu dikirakan sebagai suci, melainkan apabila dia melihat ada tanda suci, seperti darah berhenti pada akhir adatnya atau dia melihat cecair putih."

9.1 Susulan daripada masalah ini :

Ketika mana darah Mukminah berhenti pada hari ke 5 sedangkan adat kebiasaan haidnya adalah 7 hari, maka pada hari berikutnya ada dua kemungkinan yang mungkin akan berlaku atas Mukminah.

1} - Kemungkinan pertama : ialah darah tidak keluar semula pada hari-hari berikutnya. maksudnya darah hanya sekadar 4 hari sahaja. Pada hari ke 5 hingga seterusnya darah tidak datang semula.

Hukumnya :

Sepakat ulama empat Mazhab mengatakan sah solat dan puasa Mukminah yang dilakukan dalam tempoh tersebut, kerana tempoh tersebut adalah tempoh suci.

2}- Kemungkinan kedua ialah : darah keluar semula pada ke 7 dan berhenti pada hari ke 8.

Jadi, hari 1, 2, 3, 4 ada darah. hari ke 5, 6 tidak ada darah. hari ke 7 ada darah.

Hukumnya :

[1]- Sepakat ulama empat Mazhab mengatakan hari 1, 2, 3, 4 dan hari ke 7 adalah darah haid.

{1} Mazhab Hanafi :

Didalam kitab 149/1 كنز الدقائق للإمام النسفي :

والطهر بين الدمين في المدة حيض.

Terjemahan: *"Suci yang dicelah dua darah yang berada di dalam tempoh haid adalah haid."*

* Bermaknanya dua darah itu juga dihukumkan sebagai haid.

{2} Mazhab Maliki :

Dalam kitab أقرب المسالك للدردير :

وحكم الملفقة أنها تغتسل وجوبا، كلما انقطع دمها وتصلي وتصوم وتوطأ.

Terjemahan: *"Hukum perempuan yang mempunyai Talfiq (darah keluar putus-putus) ialah wajib dia mandi setiap kali darah berhenti, dan hendaklah dia solat dan puasa, dan boleh disetubuhinya."*

{3} Mazhab Syafii :

Didalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj* imam Ibnu Hajar Al-Haitami Rahimahullah menyebut :

وَكَذَا فِي الِانْقِطَاعِ بِأَنْ كَانَتْ لَوْ أَدْخَلَتْ الْقُطْنَةَ خَرَجَتْ بَيْضَاءَ نَقِيَّةً فَيَلْزَمُهَا حِينَئِذٍ الْتِزَامُ أَحْكَامِ الطُّهْرِ، ثُمَّ إنْ عَادَ قَبْلَ خَمْسَةَ عَشَرَ كَفَّتْ وَإِنْ انْقَطَعَ فَعَلَتْ وَهَكَذَا حَتَّى تَمْضِيَ خَمْسَةَ عَشَرَ فَحِينَئِذٍ تُرَدُّ كُلٌّ إلَى مَرَدِّهَا الْآتِي فَإِنْ لَمْ تُجَاوِزْهَا بَانَ أَنَّ كُلًّا مِنْ الدَّمِ وَالنَّقَاءِ الْمُحْتَوَشِ حَيْضٌ.

Terjemahan: *"Seperti itu juga pada ketika berhenti darah, iaitu sekiranya dia memasukkan kapas nescaya keluarlah kapas itu putih bersih. Maka wajib atasnya pada ketika itu beriltizam dengan hukum-hukum suci. Kemudian, jika kembali semula darah sebelum lima belas hari maka (hendaklah) dia meninggalkan (hukum suci itu). Dan jika darah berhenti semula maka (hendaklah) dia mengerjakan semula (hukum suci itu). Seperti inilah sehingga berlalu lima belas hari, maka pada ketika itu dikembalikan setiap satu kepada tempatnya yang akan disebutkan ".*

Didalam kitab *an-Najm al-Wahhaj* (1/511) ada menyebut :

ولا خلاف أنها في يوم النقاء تعمل عمل الطاهرات؛ لأنه قد لا يعوداً فإذا عاد الدم غيرنا الحكم.

Terjemahan: *"Tidak ada khilaf bahawasannya perempuan pada hari naqa' itu dia perlu mengerjakan pekejaan perempuan-perempuan yang suci, kerana darah mungkin tidak akan kembali semula. Namun apabila darah kembali semula maka kita ubahkan hukum tersebut."*

{4} Mazhab Hanbali :

Didalam kitab 260/1مغني لابن قدامة ada menyebut :

فصل: في التلفيق ومعناه ضم الدم إلى الدم الذين بينهما طهر وقد ذكرنا أن الطهر في أثناء الحيضة طهر صحيح، فإذا رأت يوما طهرا ويوما دما، ولم يجاوز أكثر الحيض، فإنها تضم الدم إلى الدم، فيكون حيضا، وما بينهما من النقاء طهر على ما قررناه...

Terjemahan: *"Ini suatu Fasal pada menjelaskan Talfiq. Makna Talfiq ia dihimpunkan darah dengan darah yang ada suci dicelah keduanya itu. Sesungguhnya kami telah menjelaskan bahawa suci yang berada di tengah-tengah satu haid itu. adalah suci yang sah. Apabila*

seorang perempuan melihat sehari suci dan sehari darah sedangkan ia tidak melepasi sebanyak-banyak haid maka sesungguhnya perempuan tersebut menghimpunkan darah dengan darah maka kesemua darah itu haid. Naqa' yang berada dicelah darah itu adalah suci, sebagaimana yang telah kami jelaskan. "

[2]- Manakala hari ke 5 dan ke 6 Ulama mazhab berbeza pandangan pada menetapkan hukumnya sebagaimana berikut :

1}- Menurut Qaul *Talfiq/Laqth* bahawa hari ke 5 dan 6 adalah suci. Maka solat dan puasa yang Mukminah lakukan dalam tempoh tersebut dihukumkan sah. Pandangan ini adalah Pandangan Imam Malik, Imam Ahmad dan sebahagian pendapat ulama Mazhab Syafii.

2} - Menurut Qaul Sahb bahawa hari ke 5 dan 6 adalah sebagai haid. Pandangan ini adalah Pandangan Imam Abu Hanifah dan pandangan Muktamad Mazhab Syafii.

Kata imam An-Nawawi didalam kitab 501/2 المجموع شرح المهذب :

وبالتلفيق قال مالك وأحمد وبالسحب أبو حنيفة وقد سبق دليل القولين فالحاصل أن الراجح عندنا قول السحب

Terjemahan: *"Imam Malik dan imam Ahmad berpendapat Dengan Qaul Talfiq. Manakala Imam Abu Hanifah berpendapat dengan Qaul Sahb. sesungguhnya telah lepas penjelasan berhubung dengan dalil dua pandangan tersebut. Dan yang kuat di sisi kami (Mazhab Syafii) adalah Qaul Sahb."*

9.2 Peringatan penting :

Menurut *Qaul Sahb* hari ke 5 dan ke 6 Mukminah itu dihukumkan sebagai tempoh haid. Tetapi perlu diingat bahawa Mukminah tidak mengetahui pada hari ke 5 dan ke 6 itu tempoh haid melainkan apabila darah keluar semula pada hari ke 7. Maksudnya pada hari ke 7 barulah Mukminah mengetahui hukum hari ke 5 dan ke 6.

9.3 Walau bagaimanapun kedua-dua pendapat di atas sepakat mengatakan apabila darah Mukminah telah berhenti pada hari ke 5 maka wajib bagi Mukminah melakukan perkara yang diwajibkan kepada perempuan yang sedang suci, seperti solat dan sebagainya, kerana Mukminah tidak mengetahui pada hari ke 5 itu apa yang akan berlaku pada hari berikutnya. maka secara zahirnya apabila darah telah berhenti maka ia akan berhenti terus.

kata imam An-Nawawi didalam kitab 502/2 المجموع شرح المهذب :

وعلى القولين إذا رأت النقاء في اليوم الثاني عملت عمل الطاهرات بلا خلاف لأنا لا نعلم أنها ذات تلفيق لاحتمال دوام الانقطاع قالوا فيجب عليها أن تغتسل وتصوم وتصلي ولها قراءة القرآن

Terjemahan: *"Atas kedua-dua pandangan tersebut, apabila seorang perempuan melihat naqa' pada hari kedua maka tidak ada khilaf dia perlu membuat apa yang dilakukan oleh perempuan-perempuan yang suci kerana kita tidak mengetahui dia termasuk dalam perempuan yang keluar darah semula kerana kemungkinan berterusan darah berhenti. Para ulama berkata : Wajib atasnya mandi, puasa dan solat. "*

9.4 Susulan dari masalah ini :

Pada bulan berikutnya darah Mukminah berhenti pada hari ke 5 pula sepertimana bulan sebelumnya.

Hukumnya :

Ulama Mazhab berselisih pandangan pada menetapkan hukum Mukminah dalam tempoh berhenti ini seperti berikut.

1}- Wajib bagi Mukminah dalam tempoh berhenti darah itu Mandi, Solat dan Puasa tanpa perlu menunggu tempoh yang tertentu.

Pandangan ini adalah pandangan Imam Malik, Imam Ahmad dan pandangan sebahagian ulama Mazhab Syafii seperti imam An-Nawawi. Sebagaimana telah dijelaskan di atas.

2}- Tidak boleh Mukminah dalam tempoh berhenti darah itu Mandi, Solat dan Puasa. Bahkan Mukminah perlu menunggu sehingga hari ke 7, kerana pada bulan lepas darah keluar semula pada hari ke 7.

Pandangan ini adalah pandangan sebahagian ulama, antaranya ialah imam Rafii, hal ini dari kerana bulan yang lepas menjadi bukti tempoh naqa' itu juga dihukumkan sebagai tempoh haid.

Didalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj* imam Ibnu Hajar Al-Haitami Rahimahullah menyebut :

وَفِي الشَّهْرِ الثَّانِي وَمَا بَعْدَهُ لَا تَفْعَلُ لِلِانْقِطَاعِ شَيْئًا مِمَّا مَرَّ لِأَنَّ الظَّاهِرَ أَنَّهَا فِيهِ كَالْأَوَّلِ هَذَا مَا صَحَّحَهُ الرَّافِعِيُّ، وَهُوَ وَجِيهٌ لَكِنَّ الَّذِي صَحَّحَهُ فِي التَّحْقِيقِ وَالرَّوْضَةِ وَهُوَ الْمَنْقُولُ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ أَنَّ الثَّانِيَ وَمَا بَعْدَهُ كَالْأَوَّلِ.

Terjemahan: *"Pada bulan yang kedua dan bulan-bulan berikutnya, perempuan tersebut tidak boleh mengerjakan sesuatu pun daripada hukum-hukum suci, kerana apa yang zahirnya bahawa perempuan tersebut pada bulan kedua ini adalah sama seperti bulan pertama. Hukum ini dinilai sahih oleh imam ar-Rafie. Penilaian sahih ini boleh diterima. Akan tetapi apa yang dinilai sahih oleh imam an-Nawawi didalam kitab at-Tahkik dan kitab ar-Raudhah - ia yang dinaqalkan - seperti apa yang didalam kitab al-Majmu' bahawa bulan kedua dan bulan-bulan berikutnya adalah seperti bulan pertama ".*

9.5 Susulan daripada pandangan imam Rafii ini.

1}- Pada bulan ini pada hari ke 7 darah datang semula seperti bulan lepas maka jelas tempoh tersebut adalah tempoh haid yang menggugurkan kewajipan solat dan puasa.

2}- Pada bulan ini setelah dia menanti maka darah tidak datang semula sehingga hari ke 7. Maka wajib dia qadha semula solat yang ditinggalkan dalam tempoh tersebut.

10. Akhir sekali, berhati-hatilah dalam memutuskan sesuatu hukum yang melibatkan pengguguran kewajipan solat fardhu dan puasa fardhu. Kerana Solat fardhu dan puasa fardhu adalah rukun islam. Selama mana tidak ada dalil yang menunjukkan berlaku pengguguran solat fardhu dan puasa fardhu jangan kita menggugurkan kedua ibadah itu daripada perempuan.

إِنْ أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ ۚ وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّـهِ ۚ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ

والله أعلم بالصواب

وأستغفر الله العظيم لي ولكم ولسائر المسلمين والمسلمات

أبو أسامة محمد حنفية بن الحاج حسين

مدير مركز الدراسات الإسلامية ببوكيت كيجغ كماسيك كمامن ترنجانو